

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (21 FEBRUARI 2022) - Pesuruhjaya Kanak-Kanak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Prof Dato' Noor Aziah Mohd Awal (CC) memuji keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hari ini yang membenarkan permohonan habeas corpus seorang ibu yang telah dipisahkan daripada tiga (3) orang anaknya oleh bapa mereka sejak 2019. Mahkamah turut memerintahkan agar ketiga-tiga kanak-kanak tersebut, yang kini dalam jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dilepaskan kepada penjagaan mutlak, perlindungan dan kawalan oleh ibu mereka. Kanak-kanak tersebut sebelum ini didakwa telah diislamkan secara sepihak oleh pihak berkuasa agama Perlis, atas permintaan bapa mereka pada Julai 2020, dan ibu mereka tidak mengetahui tentang pertukaran agama tersebut kerana beliau sedang dalam proses pemulihan di sebuah rumah perlindungan keganasan rumah tangga. Beliau gagal mendapatkan penjagaan anak-anaknya walaupun telah mendapat perintah hak jagaan penuh Mahkamah pada Disember 2019.

CC ingin menekankan bahawa pemisahan seorang kanak-kanak daripada ibu bapanya adalah menyalahi Perkara 9 Konvensyen Mengenai Kanak-kanak (CRC) dan hak ini hendaklah dihormati serta dipertimbangkan dalam penilaian berkaitan kepentingan terbaik kanak-kanak.

Berhubung isu pertukaran agama secara sepihak, CC ingin menekankan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Indira Gandhi pada tahun 2018 bahawa apabila ia melibatkan kanak-kanak, penukaran kepada agama lain hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua ibu bapa seperti yang termaktub dalam Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan (PP). Perkataan “ibu bapa” dalam Perkara 12(4) PP telah ditafsirkan untuk turut menyertakan “kedua ibu bapa”, dan Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 [Akta 351] merujuk kepada Seksyen 5 telah mengiktiraf dengan lebih lanjut bahawa “ibu kepada kanak-kanak hendaklah mempunyai kuasa yang sama dalam memohon kepada Mahkamah berhubung apa-apa perkara yang memberi kesan kepada kanak-kanak sepertimana kuasa yang dimiliki bapa”. Oleh itu, persetujuan kedua ibu bapa adalah perlu dalam menentukan agama anak. Adalah ditegaskan bahawa pertukaran agama secara sepihak adalah bertentangan dengan Perkara 12(4) PP.

Kanak-kanak tersebut telah dinafikan hak untuk hidup bersama ibu mereka selama tiga (3) tahun. Oleh yang demikian, CC memohon agar semua pihak yang terlibat untuk mematuhi keputusan Mahkamah, dan membenarkan kanak-kanak tersebut disatukan semula dengan ibu mereka.

-TAMAT-

Professor Dato' Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Pesuruhjaya Kanak-Kanak
21 Februari 2022

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my